



'Terlajak perahu boleh diundur, terlajak perbuatan buruk padahnya'

INTERNET merupakan satu sistem maklumat global melalui telekomunikasi yang berteknologi tinggi dan canggih. Segala bentuk maklumat dapat kita peroleh daripada internet. Memang tidak dapat dinafikan bahawa internet membawa banyak kebaikan. Namun di sebaliknya kebaikan ini, internet sebenarnya turut membawa banyak keburukan kepada kita.

Maklumat tanpa sekatan di dalam internet memberi peluang kepada pengguna untuk mengetahui apa yang berlaku dan terkandung di dalam dunia internet. Keadaan bertambah buruk apabila bahan yang dipaparkan itu mampu merosakkan akhlak seperti gambar atau informasi yang berunsur lucu dan ganas. Bagi golongan remaja yang belum matang pemikiran dan suka meniru sesuatu secara membabi buta, unsur-unsur yang kurang sihat ini pasti akan membawa impak negatif terhadap perkembangan mental dan pembentukan moral mereka.

Pelbagai jenis permainan yang terdapat dalam internet membolehkan golongan remaja, khususnya para pelajar "gila" dan terasa ketagih. Keadaan ini bukan saja membuang masa tetapi juga membazirkan wang mereka kerana kini terdapat banyak permainan internet yang berunsur perjudian. Mereka akan lupa terhadap pelajaran kerana terlalu "gila" akan permainan internet. Masa mereka banyak dihabiskan di depan komputer dan hal ini pasti menjejaskan pelajaran mereka dan boleh menyebabkan hubungan mereka dengan ibu bapa dan keluarga menjadi renggang. Keadaan ini bukan sahaja berlaku pada kanak-kanak sekolah tetapi juga di kalangan pelajar-pelajar pusat pengajian tinggi.



Keseronokan dan tumpuan terhadap aktiviti Internet Relay Chatting (IRC) yang berlebihan menyebabkan mereka tidak memberikan tumpuan yang sepenuhnya terhadap pelajaran. Malah ada di antara mereka yang hanya berbuai kosong dan tidak faedah kepada diri mereka. Keadaan ini juga menyebabkan mereka terpaksa menanggung bil penggunaan internet yang tinggi pada akhirnya.

Bagi mereka yang sudah ketagihan internet, soal kesihatan tidak lagi diutamakan. Selalunya pengguna Internet menghabiskan masa yang lama untuk melayari Internet. Adakalanya sampai lewat malam dan tidak kurang pula hingga awal pagi. Hal ini menyebabkan mereka kurang

tidur dan rehat. Akibatnya, kesihatan mereka terjejas dan seterusnya mengundang kepada pelbagai penyakit.

Di samping itu, penggunaan internet juga memungkinkan berlakunya penyebaran maklumat-maklumat palsu yang mungkin akan menjejaskan ketenteraman awam atau menjatuhkan imej seseorang akibat kenyataan-kenyataan yang berunsur fitnah.

Keburukan yang dibawa oleh internet akan mengundang kepada kehancuran masa depan golongan remaja yang merupakan harapan kepada bangsa dan negara. Justeru, isi kandungan internet perlu ditapis dan penggunaannya perlu dipantau, bak kata pepatah.

